

BAB 3

BAB 3

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN KESAN PENGUATKUASAANYA

3.1 Pendahuluan

Sistem kehakiman merupakan suatu sistem yang diwujudkan oleh Islam bagi mewujudkan suatu sistem kehakiman yang berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Kewujudan sistem kehakiman adalah untuk menegakkan keadilan dan menghapus kezaliman atau untuk menegakkan kebajikan dan mencegah kejahatan.

Keadilan ialah suatu yang sangat dituntut dan merupakan perkara asasi dalam melaksanakan hukum Islam. Oleh itu tiap-tiap negeri di Malaysia mempunyai Mahkamah Syariah masing-masing. Undang-undang yang digubal adalah berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri. Di Kedah Mahkamah Syariah ditubuhkan oleh Enakmen Mahkamah Syariah 1993, dan struktur Mahkamah Syariah di Negeri Kedah terdiri daripada Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

¹. Lihat Jadual Kesembilan Butiran Dua, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Kes mal dan jenayah syariah yang berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah hanyalah setakat yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan¹. Bidang kuasa Mal meliputi hal ehwal kekeluargaan seperti tuntutan perceraian, nafkah dan tuntutan harta sepencarian serta harta pusaka. Bidang kuasa jenayah meliputi perbicaraan semua kesalahan yang diperuntukkan oleh Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Namun begitu terdapat beberapa kesalahan di bawah enakmen keluarga Islam yang diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah seperti perkahwinan tanpa kebenaran. Kebiasannya kesalahan yang membawa hukuman ringan dibicarakan oleh Mahkamah Rendah Syariah, sementara kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman yang berat dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Rayuan daripada kedua-dua mahkamah ini akan didengar oleh Mahkamah Rayuan Syariah.

Mahkamah Syariah dikehendaki mengikuti kaedah-kaedah undang-undang keterangan Islam mengenai bilangan status dan mutu saksi-saksi, di samping itu, Mahkamah Syariah juga dikehendaki memberi perhatian kepada undang-undang keterangan yang sedang berkuatkuasa².

¹: Temubual bersama Syeikh Mohd Roze Bin Abd. Wahab, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, pada 17 Januari 2001 bertempat di Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kedah

3.2 Latar Belakang Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman telah dipisahkan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah berkuatkuasanya pentadbiran Mahkamah Syariah 1993 mulai 01 Januari. 1996. Dari segi sejarahnya pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kedah diletakkan dibawah satu pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah sejak tahun 1879 iaitu semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajudin. Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam pada masa itu diketuai oleh Syeikh al-Islam yang sekarang ini dinamakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam³. Dengan pemisahan ini, Mahkamah Syariah menjadi badan berasingan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan mempunyai organisasi tersendiri dan dinamakan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah⁴.

Justeru, penyusunan semula struktur organisasi Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kehendak Enakmen Mahkamah Syariah 1993 serta hasrat kerajaan bagi menaiktarafkan Mahkamah Syariah bagi menentukan keadilan dapat berjalan dengan baik dan memberi kepuasaan kepada seluruh umat Islam di negeri Kedah yang memerlukannya⁵.

³. Peranan Dan Kemajuan MAIK sempena sambutan 30 tahun Majlis.

⁴. Temubual bersama Ustaz Asri Bin Taib, Pegawai Pendakwa, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah pada 12 September 2002 bertempat di Jabatan Agama Islam Negeri Kedah.

⁵. Op.cit temubual bersama Syeikh Mohd Roze Bin Abd. Wahab.

Terdapat tiga jenis Mahkamah Syariah di negeri Kedah berdasarkan Enakmen Mahkamah Syariah 1993. Iaitu Mahkamah⁶:-

- 1) Mahkamah Rayuan Syariah
- 2) Mahkamah Tinggi Syariah
- 3) Mahkamah Rendah Syariah

Struktur mahkamah-mahkamah di atas berdasarkan Mahkamah Syariah yang sebelumnya dikenali sebagai Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Ulangbicara.

3.2.1 Objektif Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Mahkamah Syariah mempunyai objektif tersendiri iaitu:-

1. Melaksanakan keadilan agar dapat dirasai oleh seluruh umat Islam di Negeri Kedah dengan memberikan hak kepada yang berhak
2. Menegakkan keadilan secara menyeluruh berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa di seluruh Negeri Kedah.
3. Mencegah kemungkaran dengan menghakimi secara adil segala kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang dan hukum syarak.

⁶. Enakmen Mahkamah Syariah 1993. Seksyen 3 (1)(2)(3)

4. Memberi pengajaran kepada masyarakat bahawa kesalahan mereka mesti dihukum dengan ini menimbulkan rasa takut untuk melakukan kesalahan⁷.

3.2.2 Strategi

Beberapa strategi digariskan bagi maksud mencapai objektif-objektif di atas seperti berikut:-

1. Menyusun semula sebuah organisasi mahkamah yang *standard* yang mampu mengendalikan semua kes yang ia mempunyai bidang kuasa membicarakannya serta memberi keputusan.
2. Mewujudkan organisasi mahkamah yang dapat digeruni kehebatannya bagi menakutkan pihak-pihak yang bersalah dan ingin melanggar undang-undang.
3. Mewujudkan hakim-hakim serta kakitangan mahkamah syariah yang mahir serta mencukupi bagi memenuhi kehendak pelanggan yang mahu keputusan keadilan yang segera
4. Membina struktur mahkamah sebagai salah sebuah institusi Islam yang mentadbir keadilan dan undang-undang yang unggul dan diyakini.

⁷. Op.cit Temubual bersama Sheikh Mohd Rozr Bin Abd.Wahab.

3.2.3 Struktur Organisasi Mahkamah Syariah Negeri Kedah

Semenjak pemisahan JHEAIK dengan Mahkamah Syariah, gelaran jawatan kadi telah diganti dengan jawatan hakim. Di negeri Kedah keseluruhannya mempunyai tujuh orang hakim mahkamah rendah. Sementara kadi-kadi yang sebelum ini menjalankan tugas kehakiman dinamakan sebagai Pegawai Tadbir Agama Islam⁸.

Ketua Hakim Syarie boleh dilantik oleh Sultan berdasarkan kelayakan dan syarat-syarat tertentu, seperti warganegara Malaysia, pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau kadi atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau Pendakwa Syarie di negeri Kedah ataupun pernah memegang salah satu daripada jawatan lain tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum perlantikannya⁹.

... Ops.

Sultan juga mempunyai kuasa untuk melantik hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah atas nasihat daripada Majlis Agama Islam Negeri. Sebelum mengemukakan nasihat mengenai perlantikan seseorang hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Majlis hendaklah merujuknya kepada ketua Hakim Syarie. Syarat-syaratnya sama seperti perlantikan Ketua Hakim Syarie. Begitu juga perlantikan di kalangan anggota perkhidmatan Awam Negeri seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan

⁸. Pada masa kajian ini disiapkan penulis berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Agama Daerah Bandar Baru. Kedah. Penulis adalah salah seorang yang terlibat secara langsung melaksanakan tugas kehakiman sebelum pemisahan dan sekarang penulis adalah berjawatan Pegawai Tadbir Agama Daerah di salah sebuah daerah dalam negeri Kedah.

⁹. Enekmen Mahkamah Syariah Negeri Kedah 1993, Seksyen 4

Syariah. Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah¹⁰.

Ketua Hakim Syarie merupakan Ketua Hakim di Mahkamah Syariah, di bawah ketua hakim terdapat hakim-hakim yang lain membicarakan dan memutuskan kes. Ianya terdiri daripada Panel Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Di bawah hakim Mahkamah Tinggi Syariah terdapat Pendaftar Mahkamah Syariah. Terdapat tujuh buah mahkamah Rendah Syariah di setiap daerah seperti:

1. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kulim/Bandar Baharu.
2. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Muda.
3. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kubang Pasu / Padang Terap
4. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar.
5. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Yan/Pendang
6. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Baling/Sik.
7. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Pulau Langkawi.

Kes-kes di setiap Mahkamah Rendah Syariah dikendalikan oleh hakim Mahkamah Rendah Syariah. Di setiap mahkamah terdapat kakitangan yang menjalankan dan melicinkan pentadbiran, iaitu pembantu Hal Ehwal Islam, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan Penghantar Notis yang berkhidmat di setiap Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

¹⁰. Op.cit Temubual bersama Sheikh Mohd Rozr Bin Abd. Wahab.

Struktur organisasi di Mahkamah Tinggi Syariah dibahagikan kepada dua iaitu mahkamah dan pentadbiran. Di bahagian pentadbiran terdapat pegawai-pegawaiannya sendiri untuk menjalankan pentadbiran tersebut. Manakala di Mahkamah Rendah Syariah setiap daerah terdapat Pembantu Hal Ehwal Islam, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans) dan juga Penghantar Notis. Sementara Pentadbiran Mahkamah terdapat Penolong Pegawai Tadbir, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Am Rendah dan Pemandu Kenderaan Bermotor seperti dalam carta organisasi¹¹

Kesimpulan

Mahkamah Syariah ditubuhkan adalah sejajar dengan matlamat Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Sultan adalah penaung Mahkamah Syariah. Kuasa Mahkamah Syariah hanya terbatas kepada orang-orang Islam sahaja. Mahkamah Syariah telah dipisahkan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam melalui Enakmen Mahkamah Syariah (Bil. 4/1994) tetapi ia hanya berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1996 dan nama Mahkamah Syariah telah diubah kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah.

Terdapat tiga struktur Mahkamah iaitu, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Ketua Hakim Syarie menjadi Ketua Mahkamah Syariah Negeri Kedah dan beliau mempunyai kuasa

¹¹. Rujuk Lampiran A

mengesyorkan kepada Sultan sesiapa yang layak menjadi hakim-hakim di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Sementara Hakim Mahkamah Rayuan dilantik oleh Sultan atas nasihat MAIK.

Dari segi pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kedah terbahagi kepada dua iaitu Pentadbiran Pusat dan Pentadbiran Daerah. Pentadbiran Pusat terletak di Mahkamah Syariah Negeri Kedah iaitu Alor Setar dan Pentadbiran Daerah¹² di setiap daerah di Negeri Kedah. Bidang kuasa Mahkamah Syariah iaitu Mal dan Jenayah.

3.3 Undang-Undang Keluarga Islam Masa Kini

Pada prinsipnya undang-undang Keluarga Islam menjadi sebahagian daripada Syariah, namun undang-undang ini tidak terlepas dari proses pembaharuan dan perubahan untuk disesuaikan dengan keadaan dan adat resam semasa sesuatu masyarakat yang sentiasa berkembang. Sehubungan itu disebabkan tekanan-tekanan keadaan yang berubah-ubah dan perlunya Undang-undang Keluarga disesuaikan dengan tuntutan masyarakat moden, banyak perubahan yang telah dilaksanakan .

Bersesuaian dengan perubahan yang dibuat, beberapa peraturan pentadbiran dikeluarkan untuk menentukan bidangkuasa mahkamah. Peraturan-peraturan itu dikuatkuasakan untuk melicinkan urusan dan pentadbiran mahkamah syariah.

¹². Ibid.

sebagai contoh Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Kedah 1994. Di samping itu terdapat beberapa kaedah undang-undang yang lain mengenai soal-soal yang sama atau dengan menghadkan bidangkuasa mahkamah-mahkamah tentang kelayakkannya bagi membicarakan kes-kes tertentu sahaja.

Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di negeri Kedah bermula pada tahun 1984. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1979 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah pada 4hb Disember 1979 dan mula dikuatkuasakan pada 5hb Januari 1984¹³. Selepas ianya dikuatkuasakan undang-undang ini disebut sebagai **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979**. Undang-undang ini telah digubal dengan merujuk kepada Undang-Undang Keluarga di beberapa buah negara Islam di Timur Tengah seperti Mesir, Syria dan juga Pakistan¹⁴.

Pada dasarnya draf Undang-Undang Keluarga Islam yang telah digubal ini telah diterima dan secara amnya undang-undang ini mengandungi perkara-perkara mengenai pertunangan, perkahwinan, pentadbiran perkahwinan, pembubaran perkahwinan, nafkah, penjagaan kanak-kanak, faraidh dan perwarisan harta¹⁵.

¹³. Lihat Warta Kerajaan Negeri Kedah Jil. 27 Bil. 1 5hb Januari 1984.

¹⁴. Temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Othman, Ketua Pendakwa Syarie negeri Kedah pada 17 Januari 2001.

¹⁵. Ibid.

3.4 Peranan Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Bentuk Tindakan Penguatkuasaan

Penubuhan JHEAIK adalah untuk melahirkan sebuah masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup sempurna yang mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah¹⁶.

Selaras dengan penubuhan JHEAIK, selain daripada menyelia dan melaksanakan Undang-undang Keluarga Islam di negeri Kedah. JHEAIK juga berusaha menegakkan keadilan menurut hukum-hukum Islam serta mengawal atau membasmi murtad, bida'ah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjelaskan kesucian Agama Islam.

Struktur penadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah mempunyai enam bahagian yang khusus seperti berikut:

- a. Bahagian Pentadbiran Am dan Kewangan
- b. Bahagian Pelajaran Agama
- c. Bahagian Penerangan dan Dakwah
- d. Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syarak
- e. Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga
- f. Bahagian Penyelidikan

¹⁶. Temubual bersama Syeikh Ismi Anuar Bin Abd. Halim, Ketua Unit Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Negeri Kedah, pada 25 Januari 2001 bertempat di Jabatan Agama Islam Negeri Kedah.

Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syarak merupakan bahagian yang bertanggungjawab mengawal dan membentera segala tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti mana yang termaktub di dalam enakmen-enakmen yang terbabit. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan pesalah-pesalah yang telah melakukan jenayah syariah.

Begitu juga bagi kes kahwin tanpa kebenaran, Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syarak terlibat secara langsung dalam penguatkuasaan undang-undang. Sementara itu, Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syarak terdiri dari tiga unit iaitu:

1. Unit Penguatkuasaan
2. Unit Pendakwaan
3. Unit Nikah, Cerai & Rujuk

Operasi

Unit Penguatkuasaan berperanan di dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah. Ia juga bekerjasama dengan masyarakat dan pihak-pihak tertentu dalam membentera jenayah di bawah peruntukan enakmen dengan membuat operasi mencegah jenayah syariah. Oleh kerana kahwin tanpa kebenaran tertakluk di bawah kesalahan jenayah syariah maka ia juga tidak dapat lari dari unit ini.

Kebanyakan kes yang melibatkan perkahwinan tanpa kebenaran dapat dikesan melalui serbuan dan operasi yang dijalankan hasil daripada maklumat orang ramai. Setiap maklumat ataupun aduan dari orang ramai akan diteliti sebelum

sesuatu tindakan dibuat. Unit ini akan membuat serbuan di tempat yang disyaki ada pasangan bersekedudukan. Melalui operasi beginilah kadangkala dapat dikesan pasangan yang terlibat berkahwin di luar daerah tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. Apabila disoal siasat mereka akan mengaku sebagai suami isteri dengan menunjukkan bukti surat perkahwinan tanpa kebenaran dari luar negeri bagi mengelakkan tindakan undang-undang.

Walaupun pasangan itu berjaya menunjukkan surat nikah namun mereka tidak akan terlepas dari tindakan pendakwaan di mahkamah atas kesalahan berkahwin di luar negara tanpa kebenaran. Kebiasaan tuduhan bagi kes ini akan menyentuh dua kesalahan iaitu kesalahan jenayah syariah dan kesalahan mal.

Kesalahan jenayah ialah kesalahan yang melanggar peruntukan Undang-undang Keluarga Islam dan boleh dihukum denda atau penjara. Manakala kesalahan mal iaitu pasangan yang terbabit akan dipanggil oleh Pegawai Tadbir Agama untuk membuktikan akad perkahwinan mereka sah mengikut hukum syarak.

Unit Pendakwaan berperanan memberi kesedaran kepada masyarakat dan pesalah-pesalah tentang kesalahan-kesalahan mereka dengan mendakwa mereka di Mahkamah Syariah. Pasangan yang dituduh akan didakwa berdasarkan syariah Islam, moral dan sosial. Jika sabit kesalahan, pesalah akan dikenakan hukuman yang setimpal sebagai pengajarannya.

Justeru, dapat dinyatakan bahawa bahagian ini bertanggungjawab merancang dan mencegah segala bentuk kemungkaran dan memberi kesedaran kepada masyarakat keseluruhannya.

Kewujudan bahagian ini, masyarakat akan mendapat faedah dan kefahaman tentang hukum syarak yang telah dikanunkan di dalam Enakmen Kekeluargaan Islam Kedah. Secara tidak langsung pihak berkuasa telah menyediakan satu ruang kepada masyarakat Islam dalam memahami dan mengetahui hal kekeluargaan Islam serta hak-hak mereka dari segi undang-undang yang telah dikuatkuasakan. Dengan kewujudan beberapa enakmen berkaitan hukum syarak khususnya Enakmen Keluarga Islam Kedah ini, masyarakat tidak boleh lagi menyalahkan pihak-pihak berkuasa menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang semata-mata kerana menyekat kebebasan hak berkeluarga.

Peruntukan yang terdapat di dalam **Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979** tidaklah terlalu ketat sebaliknya lebih berfungsi mengemasaskan lagi sistem kekeluargaan dari berlakunya penyelewengan. Lebih-lebih lagi kepada perkara-perkara yang boleh merosakkan suasana kekeluargaan Islam.

Setiap maklumat tentang penguatkuasaan sesuatu undang-undang atau enakmen yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah sentiasa disebarluaskan kepada masyarakat melalui warta kerajaan, kenyataan akhbar dan hebahan melalui media massa bagi membolehkan masyarakat mendapat informasi tentang perkara yang melibatkan perundangan. Melalui kaedah ini, kenyataan-

kenyataan rasmi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau pegawai tertentu sering disiarkan termasuk juga setiap perkara yang membabitkan pindaan enakmen, masalah-masalah sosial semasa, jenayah Islam dan sebagainya akan disiarkan untuk maklumat umum¹⁷.

Kaedah dan cara penyampaian maklumat melalui kenyataan akhbar, warta kerajaan, hebahan melalui media massa dan elektronik ini adalah satu jalan amat berkesan kerana semua orang akan mengikutinya setiap masa. Di samping cepat tersebar sesuatu pindaan itu juga dapat dilaksanakan dengan segera. Bersesuaian pula dengan peranan media masa sebagai penghubung antara pentadbiran dan masyarakat.

Semasa perbicaraan dijalankan, hakim akan memberi nasihat kepada pasangan-pasangan yang bersalah. Nasihat itu diberikan sebagai peringatan tentang kesalahan dan keburukan melakukan perkara yang seumpama itu. Kebiasaannya nasihat itu disampaikan sewaktu perbicaraan iaitu sebelum hukuman dijatuhkan.

Setiap Pejabat Agama Daerah menyediakan khidmat nasihat atau kaunseling. Orang ramai yang kurang jelas kedudukan sesuatu masalah di sisi undang-undang keluarga boleh merujuk kepada Pejabat Agama untuk mendapatkan penerangan.

¹⁷ Lihat risalah 'PERKAHWINAN BERPERATURAN' terbitan Bahagian Pengukuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah.

Dewasa ini terdapat kekeliruan di kalangan kebanyakan masyarakat tentang institusi perundangan syariah. Ini kerana mereka beranggapan bahawa tempat ini hanya menguruskan hal-hal perkahwinan dan pencegahan maksiat sahaja¹⁸. Disebabkan kurangnya maklumat serta pengetahuan, pasangan yang berhasrat untuk melangsungkan perkahwinan atau berpoligami mengambil jalan mudah dengan berkahwin secara tanpa kebenaran di luar negara tanpa merujuk kepada Pejabat Agama Daerah, kebanyakannya melibatkan kes yang tidak mendapat keizinan wali atau poligami. Mereka tidak mengetahui bahawa ia mempunyai jalan penyelesaian yang terbaik sekiranya dirujuk kepada Pejabat Agama Daerah.

3.5 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Bawah Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979

Setiap kes kahwin lari atau perkahwinan tanpa kebenaran jika dihadapkan ke Mahkamah Syariah tidak akan terlepas daripada hukuman yang telah diperuntukkan. Penghakiman dibuat berdasarkan fakta-fakta dan latarbelakang kes yang terjadi. Apabila sesuatu pasangan dihadapkan ke mahkamah, mereka kebiasaannya tertakluk kepada empat pertuduhan di bawah empat seksyen. Tiga di bawah **Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1984** dan satu peruntukan di bawah **Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah, 1988**. Keempat-empat seksyen tersebut adalah seperti berikut:

¹⁸. Ibid.

- 1) Seksyen 27 **Enakmen Keluarga Islam Kedah** 1979. Peruntukan dengan kesalahan tidak hadir di hadapan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan. Dalam kes *Marzuki bin Chin dan Zaiton Binti Dahaman* 171/99, mereka telah dijatuhkan hukuman denda RM 50.00 di samping dituduh di bawah Seksyen 32 (2) Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1979.
- 2) Seksyen 32 **Enakmen Keluarga Islam Kedah** 1979. Peruntukan berkenaan dengan kesalahan yang berhubung dengan pernikahan. Dalam kes *Shahidan Bin Ismail dan Sofiah Binti Abdullah* (92/98), kedua-dua tertuduh telah didakwa di bawah seksyen 32 (2). Mahkamah mendapati mereka bersalah di bawah seksyen tersebut kerana berkahwin dengan cara yang menyalahi mana-mana peruntukan bahagian II Enakmen ini. Keduanya telah dijatuhkan hukuman denda RM 300.00 @ penjara 15 hari.
- 3) Seksyen 109, **Enakmen Keluarga Islam Kedah**, 1979 mengenai peruntukan poligami tanpa kebenaran mahkamah. Dalam kes *Morad b. Mehat dan Haslinda Bt. Syafie* (388/98), tertuduh pertama telah didakwa dengan dua tuduhan, pertama di bawah seksyen 109 kerana melakukan poligami tanpa kebenaran. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman kepada tertuduh pertama denda RM 100.00 di bawah seksyen ini. Kemudian pasangan ini juga dituduh bersama-sama di bawah seksyen 32 (2).

- 4) Seksyen 20. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988 berkenaan dengan peruntukan melarikan perempuan. Sepanjang kajian ini dibuat tiada sebarang kes yang dilaporkan yang melibatkan kesalahan di bawah seksyen 20 ini.

Kebiasaannya, bagi kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara sama ada perkahwinan pertama atau poligami, pasangan yang terlibat hanya didakwa di bawah seksyen 32 (2) ataupun 109 Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979.

Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979 memperuntukan bahawa setiap perkahwinan adalah tertakluk di bawah enakmen ini dan hendaklah mengikut semua aturcara dan kaedah yang telah ditetapkan. Jika ia menyalahi prosedur ini maka ia akan didakwa di Mahkamah Syariah.

..... Opsk

3.6 Kedudukan Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Sisi Hukum Syarak

Masalah pokok yang timbul daripada perkahwinan tanpa kebenaran ialah adakah perkahwinan itu sah atau tidak dari sudut hukum syarak. Perkara ini timbul kerana ia melibatkan masalah wali yang diketepikan oleh pasangan yang terlibat.

Perkahwinan tanpa kebenaran boleh berlaku apabila wali enggan atau tidak bersetuju untuk menjadi wali dalam pernikahan atau pun perempuan itu dengan sengaja enggan meminta izin daripada walinya.

Dari segi hukum syarak wali merupakan salah satu rukun nikah. Oleh itu, sesuatu pernikahan tidak akan sah jika tidak ada wali¹⁹. Kepentingan wali ini disebut dengan jelas di dalam al-Quran, seperti mana firman Allah :

فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَن ينكحن أَزْواجهُنَّ

Maksudnya: *Maka janganlah kamu mencegah wanita yang berada di bawah perwalian kamu untuk berkahwin.*

Surah al-Baqarah (2) : 232

Di dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w bersabda²⁰:

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا نَكَاحٌ إِلَّا بُولَى .
رواه أربعة

Maksudnya : "Tidak sah pernikahan, kecuali dengan wali."

Manakala di dalam sebuah hadis yang lain pula Rasulallah s.a.w bersabda,

¹⁹ Imam Taqiyuddin Abu Bakar B. Mohamad Al-Husaini, *Kifayatul Akhyar* (1993) (Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait) Bhg. Ke-2, Pustaka National Pte.Ltd., Singapura, hlm. 102

²⁰ Abadi, Muhammad Shams al-Haqq (1990) *Sharh Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, hlm 325

عن عائشة رضي الله عنها قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : أيمما امرأة نكحت بغير اذن موالها فنكاحها باطل ثلاث مرات فان دخل بها فلمهر لها بما أصاب منها **فإن شاجروا فالسلطان ولـي من لا ولـي له**
رواه ابو داود

Maksudnya : *Setiap wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka nikahnya itu tidak sah (sebanyak tiga kali) dan jika wanita itu disetubuhi, maka wanita itu berhak mendapat maskahwin dengan dianggap halal menyetubuhinya. Jika mereka berselisih maka Sultan atau Raja menjadi wali bagi wanita yang tidak menjadi wali.*²¹

Keterangan daripada hadis-hadis di atas menegaskan bahawa tiap-tiap pernikahan hendaklah mendapat izin atau persetujuan daripada wali dan jika didapati wali enggan maka izin pernikahan boleh diperolehi daripada wali raja atau sultan.

Pada asasnya perkahwinan tanpa kebenaran itu adalah sah mengikut hukum syarak kerana syarat diharuskan berpindahnya kuasa wali Nasab kepada wali hakim ialah apabila wali itu enggan mengahwinkan anaknya tanpa sebab yang munasabah ataupun wali perempuan itu berada jauh pada jarak 60 batu atau dua marhalah ²². Keadaan ini juga tidak bersalah dengan peruntukan di bawah Enakmen²³ Namun sekiranya perkahwinan itu bertentangan dengan hukum syarak, maka pernikahan yang dilakukan itu adalah tidak sah.

Dalam kes di atas, adakah boleh dikatakan pasangan itu berada di tempat yang tidak ada walinya. Sedangkan hakikat sebenarnya mereka sengaja melarikan

²¹ Ibid.

²² Temubual bersama Syeikh Ahmad Bin Salleh, Pegawai Agama Daerah Kota Setar, pada 5 Februari, 2001.

²³ Enakmen Keluarga Islam 1979, Seksyen 10 (b)

diri daripada wali yang sebenar. Kalauolah ini dijadikan sebagai alasan ianya adalah alasan yang terlalu lemah untuk diterima dan ada ruang untuk dibahaskan berkaitan "jarak" dan "Sengaja Lari"²⁴.

Kesimpulannya bolehlah dinyatakan bahawa hukum perkahwinan tanpa kebenaran adalah sah sekiranya jarak di antara tempat tinggal wali nasab pengantin perempuan dengan tempat berlangsungnya tempat akadnikah itu, tidak kurang dari dua marhalah dan mengikut peraturan syarak²⁵.

3.7 Kesan Penguatkuasaan Undang-Undang

Isu kahwin tanpa kebenaran sering menjadi bahan perbahasan pihak berkuasa dan masyarakat. Melalui media-media massa, kes perkahwinan tanpa kebenaran ini sentiasa menjadi perhatian umum. Kes ini sering diperkatakan kerana ianya melibatkan semua peringkat masyarakat dan tidak hanya tertumpu di negeri-negeri yang tertentu termasuk juga di negeri Kedah.

Pihak berkuasa telah berusaha untuk mengenalpasti apakah punca dan permasalahannya di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan kesan sosialnya. Kajian juga mendapati kesan buruk kepada masyarakat lebih nyata

²⁴. Mahmood Zuhdi 1995 Kahwin Lari. Al-Islam. April Hlm: 14.

²⁵. Al-Ba'lawi, Abd al-Rahman bin Muhammad bin al-Husain (1996). Bughyah al-Mustarsyidin. Dar al-kutub al-l'Imiyah: Beirut cet. 1, hlm 257.

daripada kebaikan kerana terdapat pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan menjadikan sebagai batu loncatan.

Justeru, masalah ini telah mencapai tahap yang agak serius di Negeri Kedah, yang bersempadan dengan negara Thailand. Bilangan kes yang tercatat dalam perangkaan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Negeri Kedah agak tinggi. Menurut kenyataan Pegawai Tadbir Agama Daerah Kota Setar, kes ini merangkumi hampir separuh daripada bilangan kes-kes jenayah yang dibicarakan²⁶. Dalam setiap perbicaraan, mahkamah akan membuat pertimbangan kepada 2 perkara utama iaitu :

- a) kesalahan melanggar peraturan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979 iaitu dari segi tiada kebenaran dari Pendaftar untuk berkahwin dan berkahwin di luar daerah.
- b) kesahihan akad nikah dari segi syarak dan pasangan itu akan menanggung beban membuktikan akad mereka itu. Selain itu juga kesahihan surat nikah dipertikaikan dan diminta menjelaskan bagaimanakah mereka boleh mendapatkannya.

Manakala di dalam isu perkahwinan tanpa kebenaran pula, terdapat dua persoalan iaitu:

²⁶. Temubual bersama Syeikh Ahmad Bin Salleh, Pegawai Agama Daerah Kota Setar, pada 5 Februari, 2001

- i) Tanpa pendaftaran yang sah, sesuatu akad perkahwinan itu tidak akan terikat di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Ini bermakna jika berlaku sebarang pertikaian antara pasangan itu dan salah seorang daripada mereka membuat tuntutan di Mahkamah Syariah maka tindakan tidak akan dapat diambil.
- ii) Perkahwinan merupakan perkara yang berkaitan dengan hukum syarak. Pasangan terbabit akan diminta membuktikan bahawa akadnikah mereka dilakukan menurut kehendak syarak seperti syarat-syarat dan rukun-rukunnya adalah sah dan sempurna.

Operasi sentiasa dilakukan oleh Bahagian Pengawatkuasa dan Pencegahan Jenayah Syariah berdasarkan maklumat dari orang ramai, namun begitu kes-kes yang dibicarakan tidaklah begitu banyak. Serbuan yang dibuat pada asalnya untuk pencegahan maksiat di hotel-hotel, rumah-rehat, rumah-rumah bujang dan sebagainya.

Hasil daripada operasi begini didapati ada pasangan yang bersekedudukan mengaku sebagai pasangan suami isteri dengan menunjukkan surat nikah tanpa kebenaran untuk mengelakkan daripada tindakan undang-undang. Bagaimanapun pasangan itu akan dibicarakan di mahkamah untuk tindakan dan siasatan selanjutnya.

Mahkamah Syariah tidak boleh mengesahkan perkahwinan di luar daerah atau perkahwinan tanpa kebenaran di bawah Enakmen Keluarga Islam 1979 sebelum dirujuk kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk. Kebanyakan pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran ini tidak akan kekal lama dan kebiasaannya akan berakhir dengan perceraian. Apabila berlaku perceraian kedua belah pihak akan membuat tuntutan ke mahkamah. Sebelum kes tersebut didaftarkan, Pendaftar akan menyemak pendaftaran perkahwinan mereka terlebih dahulu. Jika perkahwinan mereka tidak didaftarkan, maka mahkamah terpaksa menggugurkan tuntutan tersebut.

Manakala pihak yang membuat tuntutan akan dihadapkan ke mahkamah di atas dakwaan berkahwin di luar daerah tanpa kebenaran dan bercanggah dengan peruntukan Enakmen.

Kahwin tanpa kebenaran jika dilihat dari statistiknya akan menjadi masalah utama kepada masyarakat dan menjadi satu dilema kepada mereka jika dibandingkan dengan jenayah-jenayah Islam yang lain. Oleh itu ia telah menjadi perhatian penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam peringkat negeri untuk menyelesaikannya.

Dengan adanya penguatkuasaan undang-undang, penghakiman dan penyelidikan, faktor-faktor utama menyebabkan ianya berlaku dapat dikenalpasti. Faktor-faktor berlaku dan permasalahan inilah menjadi asas pertimbangan kepada badan kehakiman syariah untuk menyelesaikannya.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah secara diplomasi telah menjalinkan hubungan persefahaman dengan pihak berkuasa Hal Ehwal Agama Islam luar negeri khususnya Selatan Thailand. Hubungan ini dibuat memandangkan wilayah ini menjadi tumpuan pasangan-pasangan yang melakukan upacara kahwin lari kerana kelonggaran peraturannya.

Hubungan dua hala itu dijalinkan dengan tujuan untuk membantu dan membaiki sistem pentadbiran hal ehwal orang Islam khususnya dalam hal kekeluargaan di Selatan Thailand itu. Hasilnya mereka menerima pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Malaysia dan telah menjanjikan kerjasama bersepadu untuk membendung gejala kahwin tanpa kebenaran yang banyak mendatangkan kesan buruk. Secara tidak langsung hubungan ini juga mengemaskin lagi sistem pentadbiran kekeluargaan antara kedua buah negera yang bersempadan.

.....opsi

Justeru, dapatlah dikatakan bahawa penguatkuasaan undang-undang terhadap kes-kes kahwin tanpa kebenaran telah banyak mendatangkan kesan positif terutamanya dalam usaha untuk mengurangkan jumlah bilangan kahwin tanpa kebenaran ini. Secara tidak langsung masyarakat akan dapat mengetahui bahawa perkahwinan tanpa kebenaran itu merupakan satu kesalahan di bawah Enakmen dan ianya lebih banyak mengakibatkan kesan buruk daripada kebaikan terutamanya kepada kaum wanita.

3.8 Kesedaran Masyarakat Tentang Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Bawah Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979

Penggubalan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979 adalah bertujuan untuk mengawal dan menyusun kaedah kekeluargaan Islam di negeri Kedah. Penggubalan Enakmen tersebut bersesuaian dengan perkembangan zaman dan keadaan sosial manusia yang lebih kompleks.

Setiap masalah yang berkaitan dengan kekeluargaan akan dirujuk kepada Pejabat Agama bagi mendapatkan penyelesaiannya. Dengan itu, penulis berkeyakinan bahawa masyarakat mempunyai kesedaran dan bertanggungjawab terhadap perkara yang berlaku. Terdapat bukti menunjukkan masyarakat tahu dan memahami kesan penguatkuasaan Enakmen ini.

Terdapat pasangan yang dibicarakan atas kesalahan berkahwin tanpa kebenaran adalah hasil daripada maklumat dan kerjasama orang ramai. Ini adalah kerana timbul dari rasa kesedaran dan perasaan syak wasangka terhadap pasangan yang bersekedudukan maka mereka melaporkan kepada Pejabat Agama untuk tindakan penguatkuasaan. Cara ini adalah sebahagian daripada kaedah Mahkamah Syariah mengesan pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran pendaftar.

Adalah suatu perkara mustahil untuk Bahagian Penguatkuasaan menyelidik setiap pasangan yang telah berkahwin itu menyalahi undang-undang atau tidak²⁷.

²⁷. Temubual bersama Syeikh Abd. Ghani Bin Othman, Ketua Pendakwa Syarie MAIK, pada 17 Januari, 2001

Laporan yang dibuat oleh orang awam menunjukkan adanya komitmen dan kerjasama masyarakat kepada pihak berkuasa dan tahu kedudukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen. Kebanyakan maklumat oleh orang awam diperolehi dari dua sumber, pertama adalah secara individu yang melaporkan secara langsung kepada pihak berkuasa atau Pejabat Agama Daerah. Manakala yang kedua, maklumat diperolehi daripada pihak-pihak yang bertindak secara berkumpulan, yang biasanya diketuai oleh pemimpin masyarakat seperti Jawatankuasa Keselamatan Kampung atau Penghulu Mukim yang bertindak mengikut kuasa yang diberikan..

Kerjasama bersepadu begini boleh melahirkan suasana masyarakat setempat yang lebih terjamin dari dicemari oleh kegiatan maksiat. Setidak-tidaknya ada golongan yang disegani yang memberi perhatian terhadap masalah masyarakat.

Tindakan positif dari masyarakat itu menggambarkan ada hubungan yang lebih rapat antara masyarakat dan pihak berkuasa agama . Sekiranya masyarakat hanya menunggu Pejabat Agama untuk membuat tindakan, ini adalah agak mustahil kerana mereka kekurangan maklumat dan kakitangan jika dibandingkan dengan keperluan semua.

Perkahwinan tanpa kebenaran merupakan satu-satunya jalan mudah bagi pasangan yang terlibat untuk berkahwin sama ada mereka bertujuan baik atau sebaliknya. Sebab itulah kita tidak boleh mengatakan bahawa mereka tidak faham sedangkan mereka cuba mlarikan diri dari tindakan undang-undang.

Terdapat pasangan yang telah berkahwin di luar daerah tanpa kebenaran secara sukarela memohon kepada Mahkamah Syariah untuk membuat pendaftaran perkahwinan mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga sedia menerima sebarang hukuman dan akur kepada peruntukan undang-undang. Dengan permohonan dan pengakuan itu menandakan mereka mengakui wujudnya prosedur perkahwinan menurut Enakmen. Mereka berbuat begitu untuk sementara sebagai jalan mudah kepada halangan yang tidak dapat diatasi oleh pasangan tersebut dalam masa yang singkat.

Setiap permohonan pendaftaran perkahwinan secara sukarela oleh pasangan tersebut di mahkamah juga memudahkan kes perkahwinan tanpa kebenaran dikesan. Permohonan pendaftaran tersebut dibuat setelah berlakunya masalah antara pasangan itu dan menyedari hakikat bahawa mereka tidak akan mendapat hak masing-masing sekiranya mereka membuat tuntutan di mahkamah²⁸.

-

Kebiasaan dalam perbicaraan mereka akan terus mengaku bersalah atas tindakan mereka. Daripada pengakuan ini kita yakin bahawa mereka mengetahui tindakan mereka itu telah tidak mematuhi peraturan perundangan. Akibat dari pengakuan mereka itu juga mereka tahu apakah implikasinya di bawah undang-undang.²⁹

²⁸. Ibid.

²⁹. Syeikh Zainul Bin Embon, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kota Setar, Temubual 5 Februari, 2001.

Bagi lelaki yang melakukan poligami tanpa kebenaran pula, mereka bukan sahaja akan didakwa di bawah seksyen 32 (2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah 1979 malah akan didakwa di bawah seksyen 109 Enakmen yang sama.

Kesimpulannya terdapat banyak bukti menunjukkan masyarakat faham tentang kedudukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam dan tidak ada alasan yang dapat kita terima bahawa masyarakat tidak mengetahuinya. Apa yang perlu diteliti ialah kefahaman mereka sahaja yang berbeza mengikut latarbelakang kedudukan mereka.

3.9 Penalty Dan Peruntukan-Peruntukan Enakmen Berhubung Dengan Perkahwinan Tanpa Kebenaran

Penalty dan peruntukan-peruntukan enakmen-enakmen berhubung dengan perkahwinan tanpa kebenaran merupakan perbincangan di bawah tajuk ini . Ia adalah berkisar sekitar Enakmen yang berkaitan dan apakah kesalahan yang bertentangan dengan peruntukan Enakmen tersebut juga hukuman yang telah ditetapkan. Kesalahan kahwin tanpa kebenaran bukan hanya tertakluk di bawah satu enakmen sahaja iaitu Enakmen Keluarga Islam tetapi ia juga melibatkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah.

Sebagai penjelasan, dalam sesuatu kes kahwin tanpa kebenaran, mahkamah akan mengenakan tuduhan kepada pasangan yang terbabit mengikut kes-kes yang terlibat. Antaranya ialah:

- 1) Perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar
- 2) Poligami tanpa kebenaran
- 3) Pernikahan oleh orang yang tidak berkuasa
- 4) Lewat mendaftar pernikahan
- 5) Melarikan isteri orang
- 6) Melarikan perempuan dalam jagaan

Sungguhpun begitu, dari keenam-enam perkara ini tidak semestinya seseorang itu akan didakwa di bawah kesemua peruntukan tersebut. Kedudukan kes-kes yang didakwa adalah mengikut jenis kesalahan dan pendakwaan dibuat berdasarkan seksyen atau enakmen-enakmen yang relevan. Cuma kadang-kadang terdapat satu kes yang melibatkan 2 tuduhan dari dua enakmen yang berlainan.

Perkara-perkara 1, 2, 3 dan 4 adalah di bawah peruntukan seksyen 32 (2), 109 (1), 31 dan 27 **Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1979**. Sementara perkara 5 dan 6 adalah tertakluk di bawah peruntukan seksyen 17 (1) dan 20 **Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988**.

Apabila satu kes kahwin tanpa kebenaran dibicarakan di mahkamah, seksyen yang digunakan ialah 32 (2). Seksyen ini merangkumi segala aturcara pernikahan

yang berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1979.

Setiap kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 32 (2) akan dikenakan denda yang tidak melebihi RM 1,000.00 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 109 ia akan dikenakan denda yang tidak melebihi RM 500.00 dan tidak dikenakan hukuman penjara.

Manakala kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 31 Enakmen Keluarga Islam 1979 akan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 bulan atau denda tidak melebihi RM 300.00 atau kedua-duanya sekali. Walaubagaimanapun ianya jarang disabitkan kerana setiap perkahwinan adalah dijalankan oleh orang diberi tauliah, melainkan dalam kes-kes kahwin tanpa kebenaran. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 27 akan dikenakan denda tidak melebihi RM 150.00 atau penjara tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 17 (1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kedah 1988, dikenakan denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan mahkamah mestilah memerintahkan supaya isteri itu kembali kepada suaminya.

Sementara kesalahan yang disabitkan di bawah seksyen 20. enakmen yang sama ialah dikenakan denda tidak melebihi RM 2,000.00 atau penjara selama

tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Walaubagaimanapun kedua-dua seksyen di bawah **Enakmen Kanun Jenayah Syariah** ini iaitu seksyen 17 (1) dan 20 jarang digunakan. Ini mungkin kerana hukuman yang dikenakan sudah memadai bagi pasangan-pasanganan tersebut. Ataupun tidak ada aduan daripada pihak-pihak yang terbabit untuk didakwa di bawah seksyen-seksyen ini. Ataupun mungkin juga ia tidak diketahui tentang hak-hak pihak yang terlibat dalam kes-kes yang sebegini.

Bagi setiap pendakwaan yang hendak dijalankan bagi apa-apa kesalahan, mestilah dimulakan oleh pihak pendakwa selepas mendapat keizinan untuk mendakwa secara bertulis daripada Ketua Pendakwa.

Kesimpulan

Isu berkaitan perkahwinan tanpa kebenaran tidak akan selesai sekiranya tidak ada satu bentuk tindakan untuk mengatasinya secara serius oleh pihak berkuasa. Perkahwinan tanpa kebenaran juga akan sentiasa menjadi dilema kepada masyarakat, seterusnya akan memburukkan lagi sistem sosial dan kekeluargaan. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan dengan lebih agresif oleh pihak berkuasa. Pada masa yang sama, masyarakat juga perlu untuk tampil memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam usaha membenteryas gejala perkahwinan tanpa kebenaran daripada berleluasa di kalangan masyarakat Islam dinegara ini khususnya di negeri Kedah.